



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
KOMITMEN KEMENTERIAN NRECC MENANGANI PERUBAHAN IKLIM

Saya amatlah memahami keperluan terdesak menangani isu perubahan iklim yang ditekankan lagi akibat bencana banjir yang sudah menjadi kejadian tahunan. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) akan memberi fokus sepenuhnya kepada perkara ini dan akan terus mendepani usaha untuk mencari penyelesaian kepada isu yang membekalkan masa depan Malaysia ini.

Pakatan Harapan sememangnya sentiasa mengutamakan isu perubahan iklim, yang terbukti bukan sahaja melalui Manifesto PH, tetapi juga dengan cadangan Anwar Ibrahim untuk membentuk satu Jawatankuasa Khas Perubahan Iklim dan Biodiversiti yang telah dibuat pada 4 Ogos 2022 ketika dia masih Ketua Pembangkang.

Pembentukan sebuah Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menangani perubahan iklim juga merupakan bukti bahawa kerajaan ini sudah pun mengambil langkah segera dan positif ke arah mencorak masa depan yang lebih mampan.

Dalam pada itu, NRECC pada 19 Disember 2022 juga telah mencadangkan kepada Speaker Dewan Rakyat, pembentukan satu Jawatankuasa Pilihan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Matlamat utama Jawatankuasa Pilihan ini adalah untuk membantu kerajaan dalam mengesyorkan dasar yang jelas serta mengenalpasti kaedah-kaedah mitigasi terhadap perubahan iklim.

Kita sudah tidak boleh bergerak seperti biasa.

Percayalah bahawa kami akan memperhalusi setiap komitmen kerajaan secara terperinci untuk memerangi perubahan iklim serta impaknya yang dahsyat.

Pada masa yang sama, untuk krisis yang sedang melanda negara ini, NRECC akan berusaha sedaya upaya untuk menjalankan tanggungjawab memberi bantuan bencana banjir, seperti amaran awal melalui MET Malaysia dan Jabatan Pengairan Saliran (JPS).

Kami akan terus menyokong dan membantu mengikuti keperluan, setiap usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia serta agensi berkaitan. Kerajaan Persekutuan sedang mengambil langkah proaktif untuk membantu rakyat dan akan meningkatkan lagi respon sekiranya perlu.

- Tamat -

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim

24 Disember 2022

NRECC MINISTRY'S COMMITMENT IN ADDRESSING CLIMATE CHANGE

I fully appreciate the need for a sense of urgency to address the threat of climate change highlighted by the flood crisis which is now an annual occurrence. The Natural Resource, Environment and Climate Change Ministry (NRECC) is fully focused on this matter and will strive to take the lead in addressing this issue so crucial to the future of Malaysia.

Pakatan Harapan has always prioritised the need to address climate change issues as evident not only through the PH manifesto but also from Anwar Ibrahim's proposal for the setting up of a Parliamentary Special Committee on Climate Change and Biodiversity on 4 August 2022 during his time as Opposition Leader.

The setting up of a Ministry dedicated to address Climate Change is further evidence that this government has already taken immediate and positive steps to move towards a more sustainable future.

Towards that end, the NRECC on 19 December 2022 has proposed to the Speaker of the Dewan Rakyat on the formation of a Parliamentary Select Committee on the Environment and Climate Change. The purpose of this Select Committee will be to assist the government in drafting clear policies and identify mitigation efforts in regards to climate change.

A "business-as-usual" approach will no longer suffice.

Rest assured thorough preparation and deliberation will be given to precisely plan out national commitments to combat climate change and its devastating impacts.

With regard to current crises, NRECC is continuing to ardently carry out our responsibilities to the national response to flooding, such as early warnings via MET Malaysia and JPS.

We will be supporting, where appropriate and to its fullest capacity, the efforts of our colleagues in other government Ministries and agencies. The Federal Government is undertaking proactive measures to protect the rakyat and will ramp up our response as needed.

- End -

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Minister of Natural Resources, Environment and Climate Change

24 December 2022